

Perdagangan B-putra: Syor dari Mahathir

KUALA LUMPUR, Jumaat — Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, segala usaha meningkatkan penglibatan Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian, perlu diselarasakan supaya lebih berkesan.

Katanya, penyelarasan ini bertujuan mengelakkan berlakunya percanggahan, penindihan dan tidak teraturnya rancangan yang dijalankan.

Ia juga bertujuan supaya arahan-arahan serta dasar Kerajaan dapat disalurkan hingga kepada operasi-operasi di peringkat daerah.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika melancarkan mesyuarat pertama Jawatankuasa Penyelarasan Penyertaan Bumiputra dalam Perdagangan dan Perindustrian di sini hari ini.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri dan ahli-ahli Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu Malaysia.

Hadir sama ialah Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Hamzah Abu Samah, Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Perusahaan Awam, Datuk Haji Mohamed Yaacob, Menteri Kerjaraya dan Kemudahan Awam, Datuk Haji Abdul Ghani Gilong dan Ketua-ketua Jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun.

Terlibat

Dr. Mahathir berkata, secara langsung atau ti-

dak langsung, Kerajaan adalah terlibat dalam usaha meningkatkan penglibatan Bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian.

"Tugas ini adalah kompleks dan dalam menjalankan fungsi ini besar kemungkinan badan-badan Kerajaan bergerak bersendirian dan menimbal-tindek kerja, malah kadang-kadang bersaing antara satu sama lain.

"Oleh sebab ini, penyelarasan oleh sebuah jentera seperti ini amatlah perlu bagi mengelakkan atau sekurang-kurangnya mengurangkan percanggahan, penindihan dan ketiadtentuan rancangan-rancangan yang dijalankan," tambah beliau.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sejak seminar ekonomi Bumiputra yang pertama diadakan, hasrat dan polisi Kerajaan terhadap penglibatan kaum Bumiputra dalam bidang ekonomi tidak lagi boleh diragukan.

Dan secara lebih "specific", Dasar Ekonomi Baru telah menentukan objektif yang hendak dicapai dalam jangkamasa tertentu.

Arahan

Tetapi yang menjadi masalah sekarang, kata beliau, ialah cara dan anika jenis halangan dan masalah yang terdapat dalam usaha mencapai matlamat tersebut.

Masalah yang dihadapi itu, tambah beliau, ialah pelaksanaannya

dan tidak lagi masalah polisi secara "micro".

Dalam melaksanakan sesuatu polisi itu pula, apa yang diperlukan bukan setakat kakitangan dan kemudahan saja "kerana kita juga berkehendakkan kuasa."

Tanpa kuasa, tegas beliau, polisi dan rancangan tidak mempunyai apa makna.

Disebabkan kesemua inilah, kata Dr. Mahathir, jawatankuasa ini dibentuk dengan para ahlinya terdiri dari mereka yang memegang teraju Kerajaan baik di peringkat pusat maupun negeri.

Beliau berharap dengan adanya Menteri-menteri Pusat, Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri dalam jawatankuasa ini, setiap arahan yang dikeluarkan dapat dilaksanakan tanpa terhalang oleh pemilik kuasa di peringkat Jabatan dan lain-lain.

Bagaimanapun, menurut Dr. Mahathir, langkah baru ini tidak bermakna pegawai-pegawai telah menghalang usaha ke arah penyertaan Bumiputra dalam bidang ini.

"Cuma kadangkala interpretasi mereka mungkin tidak sama dan selaras dengan tujuan asal pembentuk polisi," kata beliau.

Timbalan Perdana Menteri kemudian berkata, jawatankuasa yang dibentuk ini akan bertanggungjawab secara langsung dengan pelaksanaan dan wakil-wakil dari peniaga-peniaga Bumiputra sendiri.

Beliau berharap keahlian mereka itu dapat merapatkan perhubungan semua pihak dan dapatlah masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha dan peniaga Bumiputra diketengahkan secara langsung dan mudah.

Dr Mahathir juga berharap ahli-ahli jawatankuasa ini dapat menumpukan sepenuh tenaga dan fikiran terhadap bidang-tugas dan menjadikan jawatankuasa ini sebagai alat yang berkesan untuk mencapai matlamat dan nisbah penyertaan Bumiputra dalam bidang perusahaan dan perindustrian di negara ini.

Beliau yang kemudian mempengerusikan mesyuarat tersebut memberitahu bahawa mesyuarat pertama itu mempunyai dua tujuan.

● Mempastikan jentera penyelarasan usaha-usaha memperhebatkan kegiatan-kegiatan ekonomi Bumiputra serta fungsi-fungsi yang perlu dilaksanakan dan;

● Membincangkan kedudukan penyertaan Bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian serta hasil pelaksanaan agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan memberi bantuan-bantuan ke arah menjayakan penyertaan Bumiputra ini dan masalah-masalah yang berkaitan untuk direnungkan bersama dan serta kajian-kajian selanjutnya.